

SEGERA DENGAN FAKS

Ruj. Kami : JPN.PT:163/2/3/1Klt.31 (92)

Tarikh : 19 Januari 2015

**Ketua Pengarang
Tamil Malar**

Tuan,

**MAKLUMBALAS ADUAN AKHBAR TAMIL MALAR BERTAJUK “IBU DAN 3 ORANG ANAK
RESAH TANPA KAD PENGENALAN” BERTARIKH 14 JANUARI 2015 RABU – M.S: MUKA
DEPAN & 12**

Dengan segala hormatnya, saya diarah merujuk kepada aduan mengenai perkara di atas.

2. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) ingin menjelaskan isu yang diutarakan oleh Puan Letchumi A/P Kuppusamy berkenaan dia dan 3 orang anaknya yang tidak memiliki kad pengenalan.

3. Untuk makluman, Puan Letchumi A/P Kuppusamy telah membuat permohonan daftar lewat kelahiran pada tahun 2008 yang diberi keputusan tidak berjaya melalui surat bertarikh pada 14/09/2009. Kegagalan tersebut adalah kerana beliau gagal mengemukakan dokumen lengkap bagi permohonan tersebut. Beliau dinasihatkan agar membuat permohonan semula dengan melampirkan dokumen yang lengkap untuk diproses oleh JPN Kulaijaya.

4. Bagi ketiga-tiga anak beliau yang telah memohon kewarganegaraan dibawah Perkara 15(a) Perlembagaan Persekutuan yang masih dalam proses, keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui surat selepas tempoh 2 tahun dari tarikh permohonan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.

(FARA MAYA BINTI AHMAD JELANI)

Pegawai Perhubungan Awam,
b.p Ketua Pengarah,
Jabatan Pendaftaran Negara,
Malaysia.

☎ : 03-88807077

☎ : 03-88808288

✉ : pro@jpn.gov.my

s.k.:
1. YBhg. Dato' KPPN
2. YBhg. Datin Seri TKPPN (P)
3. YBrs. Tuan TKPPN (O)
4. YBrs. Tuan TKPPN (ICT)